



PERSIAPAN DAN ADAB PELAJAR SEMASA PEMBELAJARAN SECARA TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL) PADA MUSIM PANDEMIK COVID-19

PREPARATION AND MANNERS OF STUDENTS IN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) DURING THE COVID-19 PANDEMIC SEASON

Siti Aishah Sokhibul Fadil^{1*}, Hisam Satari², Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia
Email: sitia833@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia
Email: hisam@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia
Email: asyransafwan@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Fadil, S. A. S., Satari, H., & Kamaruzaman, M. A. S. (2023). Persiapan Dan Adab Pelajar Semasa Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (Odl) Pada Musim Pandemi Covid-19. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 355-376.

DOI: 10.35631/IJMOE.517028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Persiapan dan penjagaan adab dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan elemen penting dalam proses memperoleh ilmu pengetahuan. Kepelbagaian kaedah PdP seharusnya menekankan aspek ini bagi memelihara hubungan baik antara pelajar dan guru, kefahaman terhadap ilmu serta beramal dengannya. Proses pembelajaran yang dilaksanakan secara terbuka dan jarak jauh (ODL) pada musim pandemik covid-19 memperlihatkan aspek penghayatan adab menuntut ilmu tidak begitu diraikan sebagaimana PdP secara bersemuka. Isu akses capaian internet, peralatan belajar yang terhad, tidak fokus semasa kelas, belajar sambil berbual dan baring, tidak hormat guru, tidak memberi salam dan sebagainya telah mengundang kepincangan kepada operasi perlaksanaan dan keberkesanan PdP di seluruh institusi pendidikan termasuklah UiTM. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti persiapan pelajar dan menganalisa aplikasi adab pelajar semasa pembelajaran secara ODL pada musim pandemik covid-19. Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah dipilih dalam kajian ini dan data dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics version 23*. Hasil kajian menunjukkan persiapan dan aplikasi adab majoriti pelajar berada pada tahap yang sangat baik dan tinggi meskipun sesi PdP dijalankan secara ODL dan majoriti pelajar masih mengamalkan persiapan PdP dan adab yang baik semasa pembelajaran ODL

sebagaimana pembelajaran bersemuka sebelum musim pandemik covid-19. Namun begitu, masih ada persiapan dan adab yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan oleh para pelajar. Kesimpulannya, persiapan yang rapi dan penjagaan adab pelajar semasa pembelajaran ODL masih relevan dan memberi impak besar kepada penghayatan adab menuntut ilmu dalam Islam disamping menyumbang kepada penambahbaikan proses PdP dengan lebih berkesan.

Kata Kunci:

Persiapan, Adab Pelajar, ODL, Covid-19

Abstract:

Preparation and preservation of manners during teaching and learning (PdP) is an important element in the process of acquiring knowledge. The variety of PdP methods should focus on this aspect to maintain a good relationship between students and teachers, an understanding of knowledge, and practise with it. The learning process that is carried out through open and distance learning (ODL) during the covid-19 pandemic season shows that the aspect of appreciating the manners of getting knowledge is not as celebrated as face-to-face PdP. The issues of internet access, limited learning equipment, lack of focus during class, learning while chatting and lying down, disrespecting the teacher, not greeting, and so on have led to problems in the implementation and effectiveness of PdP in all educational institutions, including UiTM. Therefore, this study aims to identify student preparation and analyze the application of student manners during ODL learning during the covid-19 pandemic season. The approaches of qualitative through document analysis and quantitative through the distribution of questionnaires to students of the Diploma in Halal Management, UiTM Negeri Sembilan Branch, were selected for this study and the data were analyzed descriptively using IBM SPSS Statistics version 23 software. The results of the study found that the preparation and manners application of the majority of students are at a very high level, even though the PdP session is conducted in ODL. The study also found that the majority of students still continue the practice of preparing PdP and maintaining good manners during ODL learning, as in the face-to-face learning process before the covid-19 pandemic season. However, there are still preparations and manners that need to be improved by students. In conclusion, the careful preparation and preservation of manners among students during the ODL learning session is still relevant and has a great impact on the appreciation of the manners of seeking knowledge as advocated by Islam while also contributing to the improvement of the PdP process more effectively.

Keywords:

Preparation, Student Manners, ODL, Covid-19

Pengenalalan

Pengalaman melalui musim pandemik covid-19 telah mencetuskan perubahan yang besar kepada lanskap pengurusan negara dan keadaan yang mencabar ini telah menzahirkan pelbagai impak terutamanya sektor kesihatan, pendidikan, ekonomi, kewangan dan lain – lain. Sektor pendidikan menjadi antara penyumbang terbesar kepada perubahan semasa musim pandemik covid-19 sehingga mengundang berbagai isu dan masalah kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di seluruh peringkat institusi pendidikan. Norma baru dalam pendidikan melalui pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) telah menjadi satu keperluan malah

dijadikan medium utama bagi menyampaikan ilmu dan maklumat sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) khususnya kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hal ini menjadi cabaran kepada pengajar untuk mengubah teknik pengajaran begitu juga kepada pelajar yang perlu mengubah cara pembelajaran bagi memastikan proses PdP dapat diteruskan dan tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Sebagaimana dimaklumi, pembelajaran ODL tidak dapat dipisahkan dengan penggunaan teknologi dan platform digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Webex*, *Zoom* dan lain-lain. Impak dari penggunaan teknologi ini telah menimbulkan pelbagai isu seperti kekurangan akses internet dan infrastruktur (Harits, 2020), masalah capaian internet, infrastruktur dan tiada kemampuan membeli peralatan belajar (Utusan Borneo, 2020) serta isu kewangan kerana masalah kemiskinan dan penggunaan belanja yang banyak disebabkan terpaksa membeli data untuk akses internet (Mohan, 2020). Suatu kajian dilakukan oleh Vandernilt University di Amerika Syarikat pada tahun 2015 mendapati hampir 92% responden terdiri dari pelajar pelbagai bidang dan fakulti bersetuju pembelajaran secara atas talian adalah lebih efektif dan berkesan berbanding PdP secara konvensional, 3% responden memerlukan PdP secara bersemuka manakala 5% adalah neutral. Dapatan ini menunjukkan walaupun kaedah pembelajaran atas talian menjadi pilihan pelajar namun perlu diambilkira beberapa faktor yang dilalui oleh realiti kebanyakan pelajar kerana bukan semua pelajar mempunyai akses capaian internet yang baik, tinggal di pedalaman dan tidak selesa dan kemudahan telefon pintar yang terhad dan tidak canggih (Idham, 2020).

Maka, bagi mengatasi isu ini dalam proses pembelajaran ODL, ianya memerlukan persiapan yang rapi dari sudut akses rangkaian internet dan kemudahan infrastruktur, kecekapan dan kemahiran yang tinggi dalam penggunaan teknologi digital di samping persediaan mental dan fizikal yang kuat untuk menyahut keperluan teknologi dalam PdP sama ada kepada pengajar mahupun pelajar. Kesan penularan wabak covid-19 ini bukan sahaja menyebabkan pembelajaran pengajaran secara bersemuka tertangguh tetapi menjadikan tugas pendidik semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma baru pembelajaran secara ODL ini.

Perubahan proses PdP perlulah seiring dengan perkembangan pesat teknologi supaya generasi hari ini dapat bersaing dengan dunia luar sekaligus dapat membentuk pelajar yang berdaya saing, berkemahiran, memenuhi keperluan pasaran serta mempunyai nilai tambah dalam diri (Khamsiah, 2021). Namun begitu, keberhasilan generasi sebegini memerlukan persiapan dan persediaan yang tinggi dari aspek kesungguhan, kegigihan, semangat dan usaha berterusan bagi mencapai pembentukan generasi yang diperlukan selari dengan kehendak agama, bangsa dan negara. Menurut Aziz dan Aida (2020), kebergantungan kejayaan pembelajaran secara atas talian juga bergantung kepada kesediaan pelajar itu sendiri.

Dalam kehairahan kita bersungguh memastikan guru dan pelajar tidak ketinggalan aspek teknologi dalam pembelajaran, maka seharusnya aspek penghayatan dan aplikasi adab pelajar tidak diabaikan semasa sesi PdP sebagaimana aplikasinya dalam pembelajaran secara bersemuka. Tinjauan awal mengenai aspek adab ini tidak begitu diraikan semasa pembelajaran ODL sepanjang musim pandemik covid-19 kerana timbul pelbagai isu seperti pelajar tidak hadir kelas, masuk kelas lambat, tidak menyahut apabila dipanggil guru, tidak menjawab soalan dengan sewajarnya dan sebagainya. Perkara ini turut disentuh oleh Hasbi et al. (2021), yang mengatakan di era serba moden dan maju ini, adab terhadap pendidik dilihat kian luntur dan

seolah-olah diasingkan dari proses menuntut ilmu. Hakikatnya, adab dan ilmu adalah dua hal yang saling berkait dan perlu diselarikan dalam usaha meraih keberkatan berpanjangan dari ilmu yang disampaikan oleh guru.

Menurut Hasnizam (2020), dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian, adab dan etika pembelajaran perlulah difahami dan diikuti oleh setiap pelajar bagi memastikan proses menuntut ilmu dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya. Kegagalan menerapkan kefahaman mengenai adab atau etika yang baik semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta keperluan mempraktikkannya akan mengundang suasana tidak harmoni sekali gus akan mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara adab yang boleh dipraktikkan seperti mempunyai niat yang betul dalam menuntut ilmu, memulakan belajar dengan berdoa, melakukan persediaan awal untuk pembelajaran, menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran, menepati masa, berkomunikasi secara baik dan melibatkan diri secara aktif dan menjaga penampilan diri.

Farah dan Muhsien (2021) berpandangan meskipun guru memberi komitmen yang tinggi dalam menjayakan pengajaran secara maya, namun tidak berbaloi jika murid tidak turut serta dalam sesi kelas yang diadakan, tidak komited untuk menuntut ilmu, bersikap sambil lewa dan tidak beradab terhadap guru. Jika diteliti pada isu-isu yang telah dibangkitkan sebelum ini, kelemahan dari sudut adab murid merupakan faktor terjadinya pengabaian terhadap kelas maya yang dijalankan oleh guru. Pandangan ini turut selari dengan Khamsiah (2021) yang menyatakan perubahan kaedah pembelajaran bersemuka kepada atas talian mengakibatkan sikap, tingkah laku serta adab para pelajar semasa sesi pembelajaran semakin terhakis dan sukar dibentuk kerana tidak ada pemantauan secara langsung daripada tenaga pengajar atau guru.

Tidak dinafikan dalam situasi pembelajaran bersemuka, kebanyakan pelajar sudah sedia maklum mengenai adab terhadap guru. Walaubagaimana pun menurut Hasbi et al. (2021), perihal adab dalam pembelajaran secara atas talian ini seakan dipinggir berikutan murid tidak berhadapan dengan guru secara realiti dan keduanya terpisah di tempat yang berbeza. Meskipun berada dalam situasi yang berlainan, adab terhadap guru tetap perlu dijaga sebagai jaminan murid meraih keberkatan dari ilmu yang disampaikan oleh guru. Namun perlu diingatkan bahawa meskipun pembelajaran jarak jauh menerusi dalam talian terpaksa dilaksanakan, adab-adab bersama guru tetap perlu diraikan sebagaimana yang digariskan oleh tokoh besar seperti Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Bidayah al-Hidayah* walaupun pembelajaran dalam talian ini tidak pernah berlaku pada masa Rasulullah ﷺ, para sahabat dan zaman Imam al-Ghazali sendiri tetapi adab-adab yang digariskan dalam Islam tetap sesuai diamalkan sepanjang zaman. Berdasarkan permasalahan isu di atas, maka dapat difahami bahawa aspek persiapan dan adab menuntut ilmu dalam pembelajaran ODL merupakan isu penting yang perlu diteliti dari sudut aplikasinya dalam kalangan pelajar.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti persiapan pelajar dan menganalisa adab pelajar semasa pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19 melibatkan pelajar semester 1 program Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Kajian Literatur

Persiapan Pelajar

Persiapan menurut kamus dewan edisi ketiga, Noresah et al. (2002) memberi maksud perihal bersiap-siap, segala sesuatu yang disiapkan, kelengkapan dan persediaan. Merujuk kepada makna ini, persiapan juga mempunyai maksud yang sama dengan persediaan. Menurut Zawiah (2020), pelajar perlu bijak membuat perancangan pembelajaran mereka sendiri seperti perancangan perkara yang hendak dipelajari dan menelaah bahan atau rujukan yang telah dimuat naik oleh para pensyarah di platform pembelajaran maya. Perancangan sebegini seharusnya memerlukan persiapan yang rapi bagi menghadapi cabaran pembelajaran secara talian atau ODL.

Satu kajian kesediaan dan keupayaan pelajar mengikuti pembelajaran melalui platform *whatsapp* dan *telegram* telah dijalankan oleh Lamsah (2017), mendapati walaupun para pelajar amnya belum terdedah kepada m-pembelajaran namun mereka mempunyai perspektif positif dan kesediaan mereka untuk terlibat dengan m-pembelajaran bergantung kepada inisiatif pensyarah untuk membimbing beserta fasiliti yang sediakan. Terdapat juga kajian yang melihat kesediaan melaksanakan pembelajaran jarak jauh semasa tempoh musim pandemik covid-19 seperti kajian oleh Anuar dan Ijlal (2021), menyebutkan kajian terhadap 2300 orang guru di Filipina mendapati hampir 99% responden menjawab mereka bersedia melaksanakan pembelajaran jauh jauh secara dalam talian. Begitu juga kajian Rozelia dan Farahkhanna (2022) yang menunjukkan kesediaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah tinggi dan memberi kesan positif terhadap minat dan motivasi pelajar. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Zulaika dan Nurhikmah (2022) yang mendapati antara kesan pandemik covid-19 terhadap motivasi akademik pelajar adalah kurang persediaan mental dan fizikal sebelum kelas *online*, kurang komitmen dan tumpuan semasa kelas *online* dan kurang persediaan menghadapi peperiksaan *online*.

Adab Pelajar Terhadap Guru

Hasil analisis yang telah dijalankan oleh Farah dan Muhsien (2021), terhadap kitab *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi Adab al-Alim wa al-Muta'allim*, terdapat lapan adab menurut Ibn Jama'ah yang sangat sesuai untuk diaplikasikan oleh murid dalam konteks pembelajaran dalam talian khasnya berbentuk pembelajaran segerak seperti menjaga penampilan diri, menepati masa, menumpukan perhatian terhadap guru, memberikan respon yang sewajarnya, tidak malu untuk bertanya, tidak melakukan urusan lain semasa guru sedang mengajar, tidak meremehkan pengajaran guru dan berterima kasih dan mendoakan guru.

Selaras dengan penekanan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam sektor pendidikan, UiTM juga telah memperkenalkan model A.D.A.B yang berteraskan Adab dan Amanah bagi tujuan memastikan proses PdP berlangsung dengan sempurna dan memenuhi keperluan semasa. Dengan berpandukan adab dan amanah, setiap individu khususnya pelajar dan pensyarah akan mengambil tindakan yang betul dan lengkap sehingga berupaya mewujudkan persekitaran yang menghargai ilmu, cinta ilmu, menyayangi ilmu dan memupuk budaya rendah hati untuk mencari ilmu (Zuriani dan Noorihan, 2022). Sebagaimana diterangkan oleh Imam al-Ghazali yang menafsirkan adab itu sebagai pendidikan diri jasmani dan rohani (*ta'dib al-zahir wal batin*) yang merangkumi empat perkara iaitu perkataan, perbuatan, akidah dan niat seseorang.

Konsep adab dalam konteks pendidikan merangkumi aspek adab terhadap diri sendiri, adab terhadap hubungan sesama ahli keluarga, adab terhadap ilmu, dan adab terhadap alam yang semuanya berkesudahan dengan wujudnya sistem nilai akhlak yang baik pada setiap aspek kehidupan (Mior, Rahimah dan Kasimah, 2017). Selain itu, kajian Noraini, Mardzelah, Afiffudin, Ummi dan Amjad (2022), menyebutkan bahawa pendidikan adab melalui pementoran Islam rakan sebaya merupakan pendidikan berorientasikan “*role model*” yang mana mentor adalah contoh penghayatan adab yang paling hampir dengan mentee. Namun tidak dinafikan berlaku permasalahan semasa sesi PdP atas talian sehingga adab-adab menuntut ilmu mula didedahkan dan dibincangkan semula di kebanyakan penulisan ilmiah dan akhbar atas talian agar dapat memberi peringatan kepada para pelajar dan guru. Beliau telah menggariskan soal tanggungjawab pelajar adalah mendoakan diri sendiri dan para guru untuk mendapatkan keberkatan ilmu, jujur dan bertanggungjawab, sentiasa bersedia untuk memulakan sesi PdP, memuliakan ilmu dengan mendengar dan duduk dengan sopan sepanjang sesi PdP serta berusaha menguasai ilmu teknologi untuk memudahkan sesi PdP berjalan lancar (Khamsiah, 2021).

Terdapat juga beberapa cabaran dalam pembelajaran secara atas talian sebagaimana dalam artikel Eliza, Sarina dan Yusmini (2021), ada menyatakan bahawa guru menghadapi kesukaran untuk melihat dan mengawal tingkahlaku murid begitu juga sukar bagi guru memperlihatkan tingkahlaku atau respon secara fizikal untuk dijadikan contoh teladan dalam mendidik murid agar memiliki sahsiah yang baik. Dapatan ini turut selari dengan kajian oleh Fuad dan Sapie (2021), yang menyatakan terdapat cabaran guru sebagai *role model* atau *qudwah hasanah* ketika mengajar seperti cara bercakap, wajah muka, cara berjalan dan duduk, cara mengemukakan soalan dan menjawab soalan pelajar serta cara menegur dan menasihati pelajar. Namun begitu, perkara ini tidak dapat dilihat secara keseluruhannya dalam pengajaran secara atas talian.

Kajian khusus berkenaan adab pelajar dalam pembelajaran atas talian yang dijalankan oleh Farah dan Muhsien (2021) dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke atas 1,742 orang guru pada bulan November 2020 menunjukkan sejumlah 80 peratus guru berhadapan dengan kesukaran untuk memastikan keberadaan murid sepanjang sesi kelas dalam talian dijalankan disamping cabaran untuk memastikan murid dapat memberikan tumpuan agar mereka mampu memahami setiap ilmu yang disampaikan oleh guru.

Hasbi et al. (2021) dalam kajian turut menggariskan permasalahan adab antara pensyarah dan pelajar dalam PdP secara talian melalui kajian terhadap dua kursus di UPSI adalah tertumpu kepada tiga aspek yang penting iaitu komunikasi, penjagaan waktu dan tumpuan/perhatian. Beliau menyatakan murid perlulah sentiasa memelihara dan mengamalkan adab yang baik terhadap pensyarah atau guru agar pelajar bukan sekadar memperoleh ilmu semata-mata, bahkan juga meraih keredhaan daripada guru. Marpuah et al. (2022) pula telah menjalankan kajian berkaitan kesan pembelajaran *online* di Musim Pandemik covid-19 terhadap perkembangan akhlak pelajar antaran yang positif adalah pelajar dapat pelbagai bahan pembelajaran berkaitan akhlak seperti ceramah agama daripada *website* yang tersedia manakala kesan negatif adalah pelajar melayari *website* yang tidak baik ketika pembelajaran online dijalankan.

Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL)

Beberapa kajian lepas berkaitan pembelajaran ODL atau atas talian antaranya kajian oleh Hajar, Azaharin dan Maimun (2019) mendapati penggunaan teknologi digital seperti pembelajaran teradun (*blended learning*), *iFolio* dan *Massive Open Online Courses (MOOC)* membantu pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Selain itu, kajian oleh Norfarahi, Isa dan Khadijah (2020) menyatakan sumber liputan internet atau wifi menjadi halangan utama penggunaan MOOC dalam proses PdP walaupun pelajar memberikan komitmen dan bermotivasi untuk menggunakan MOOC. Seterusnya kajian Lamsah (2017) pula mendapati aplikasi *whatsapp*, *youtube*, *facebook*, *intagram* dan *google* menjadi aplikasi popular yang digunakan oleh pelajar serta didapati pelajar kurang didedahkan dengan pembelajaran, tidak bersedia, kurang berpuashati dengan capaian internet, ketiadaan panduan dan kaedah penilaian.

Terdapat juga ulasan artikel khusus berkaitan ODL seperti Saima, Joyshree, Shalabh dan Asoke (2012), yang mengkaji cabaran dan peluang semasa, konsep dan sumbangan yang relevan, trend global dan serantau serta mencadangkan polisi dan strategi untuk dipertimbangkan. Kajian Oliver, K.Li dan T.M.Wong (2018) pula menyentuh mengenai kegigihan pelajar dalam ODL dari aspek faktor kejayaan dan cabaran yang dilalui oleh kumpulan peserta yang berbeza sehingga lahirnya variasi dalam tindakan mereka. Tidak dinafikan terdapat juga impak positif pembelajaran online seperti pembelajaran menjadi lebih menarik dan mampu mengekalkan fokus murid, meningkatkan motivasi, menghasilkan kecekapan pembelajaran sepanjang hayat, meneroka sendiri penggunaan e-pembelajaran yang sangat luas dan pelbagai, menjimatkan masa dan tenaga, penggunaan grafik yang menarik dan mudah difahami. Namun begitu, terdapat juga cabaran yang dihadapi seperti kesukaran mengakses komputer dan bahan, tiada peranti yang bersesuaian, kurang kecekapan mendapatkan maklumat, kekangan masa, masalah teknikal dan kerisauan teknologi (Nilavani dan Khairul Azhar, 2021). Kajian ini turut disokong oleh Anuar dan Ijlal (2021), yang menyebutkan impak positif adalah pendekatan yang lebih bermakna, mudah dan cepat untuk dilaksanakan manakala impak negatif pula kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar, kekangan mendapat kerjasama ibubapa, pembelajaran tidak sekata, masih cenderung berpusatkan pensyarah, ada yang menjadi pembaca senyap dan tidak memberikan sebarang respon.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen manakala kuantitatif menggunakan kaedah pengumpulan data melalui instrumen soal selidik dengan perincian seperti berikut:

Analisis Dokumen

Bahan dokumen yang dianalisis adalah seperti artikel jurnal dan penulisan umum berkaitan isu-isu persiapan dan adab pelajar dalam pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19 serta pembinaan item soal selidik yang digunakan. Hal ini bertujuan sebagai sumber bacaan umum untuk menyokong dan memperkukuhkan penulisan kajian disamping mengetahui kandungan item yang dibina untuk melihat kesesuaian berdasarkan konteks kajian ini.

Instrumen Soal Selidik

Populasi yang dijadikan sasaran dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester satu Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Kelompok ini dipilih sebagai populasi kajian kerana responden merupakan pelajar baharu dan pertama kali melalui proses

pembelajaran ODL di alam universiti pada musim pandemik covid-19 dan tiada lagi kajian khusus berkaitan persiapan dan adab terhadap pelajar tersebut.

Pengkaji telah mengedarkan soal selidik melalui *google form* dan mengumpul data daripada responden terlibat semasa tempoh sesi pengajian akademik oktober 2020 dan mac 2022. Persampelan kajian dipilih berdasarkan pandangan Chua (seperti petikan dalam Tan, Hazri dan Nordin, 2020), yang menyatakan bilangan sampel kajian hendaklah lima kali lebih banyak daripada jumlah item yang disediakan. Maka saiz sampel dalam kajian ini adalah sekurang-kurangnya 130 orang pelajar (26 item x 5) dan seramai 138 orang pelajar (90.8%) telah dipilih sebagai sampel mewakili populasi sebenar pelajar seramai 152 orang.

Bagi pembinaan item soalan pula, ia dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi 3 item berkaitan demografi responden dengan struktur soalan berbentuk butiran tertutup seperti “ya” atau “tidak”. Seterusnya bahagian B yang mengandungi 6 item soalan berkaitan persiapan pelajar semasa pembelajaran ODL dan bahagian C pula berkaitan 17 item adab pelajar dalam pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19 yang berbentuk butiran pilihan menggunakan lima skala likert iaitu 1 (tidak pernah), 2 (jarang-jarang), 3 (kadang-kala), 4 (kerap) dan 5 (amat kerap).

Menurut Majid (seperti petikan dalam Sumarni dan Zamri, 2018), menyatakan bahawa dalam setiap kajian adalah penting kajian rintis dilaksanakan terlebih dahulu kerana ia dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Maka, bagi tujuan ini, pengkaji telah menjalankan kesahan dan kebolehpercayaan item soalan melalui perisian *IBM SPSS Statistics 23* untuk menguji ketekalan dalaman instrumen tersebut. Hasil kajian rintis terhadap 42 orang responden secara rawak mendapati tahap kebolehpercayaan item kandungan soalan yang agak tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* 0.924. Menurut Majid (seperti petikan dalam Sumarni dan Zamri, 2018), nilai alpha yang melebihi 0.600 dikategorikan sebagai item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisa Data

Pengkaji menganalisa data menggunakan kaedah berikut:

Kaedah Analisa Teks

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data dalam bentuk teks yang diperolehi daripada penulisan, artikel jurnal atau makalah dan kajian terdahulu berkaitan persiapan dan adab pelajar dalam pembelajaran secara ODL. Kajian mendapati bahawa aspek persiapan atau persediaan pelajar dalam pembelajaran tidak begitu banyak penulisan dan kajian dijalankan. Namun begitu terdapat banyak penulisan dan kajian terdahulu yang menyentuh konteks adab pelajar dalam pembelajaran secara bersemuka mahupun secara atas talian. Akan tetapi semasa kajian ini dijalankan, belum ada kajian khusus terhadap persiapan dan adab pelajar dalam pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19.

Kaedah Analisis Deskriptif

Kesemua data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 23* untuk mendapatkan skor frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi tujuan menghuraikan dan membuat perbincangan dapatan yang diperolehi daripada maklum balas responden.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan dianalisis secara deskriptif melibatkan penggunaan min, frekuensi, peratusan, sisihan piawai dan interpretasi min. Analisis dapatan akan dihurai kepada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, persiapan responden dalam pembelajaran ODL dan adab pelajar semasa pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19.

Latar Belakang Responden

Berdasarkan jadual 1, seramai 138 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 38 orang (27.5%) lelaki dan 100 orang (72.5%) perempuan. Majoriti responden tinggal di kawasan kediaman luar bandar iaitu seramai 86 orang (62.3%) manakala 52 orang (37.7%) tinggal di kawasan kediaman bandar. Dapatan juga menunjukkan majoriti pendapatan isi rumah (ibu dan ayah) responden berada dalam lingkungan pendapatan RM2000 ke atas iaitu seramai 89 orang (64.5%) manakala selebihnya 49 orang (35.5%) pula berpendapatan RM2000 dan ke bawah.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Item	Jumlah	Peratus
1. Jantina		
i. Lelaki	38	27.5
ii. Perempuan	100	72.5
Jumlah	138	100.0
2. Kawasan kediaman		
i. Bandar	52	37.7
ii. Luar Bandar	86	62.3
Jumlah	138	100.0
3. Pendapatan Isi Rumah		
i. Tiada pendapatan	5	3.6
ii. RM1000 ke bawah	16	11.6
iii. RM1001 – RM2000	28	20.3
iv. RM2001 – RM4000	44	31.9
v. RM4001 ke atas	45	32.6
Jumlah	138	100.0

Persiapan Dan Adab Pelajar Semasa Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL) Pada Musim Pandemi Covid-19.

Analisa dapatan kajian dimulakan dengan analisa persiapan pelajar dalam pembelajaran secara ODL pada musim pandemik Covid-19. Analisa tersebut menggunakan skor frekuensi dan peratusan terhadap 6 item persiapan sebagaimana jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Persiapan Pelajar Dalam Pembelajaran ODL

Item/Skala	Tidak pernah		Jarang-jarang		Kadangkala		Kerap		Amat Kerap		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
	1. Saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas bermula	0	0	3	2.2	21	15.2	82	59.4	32	23.2	138
2. Saya sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa	0	0	3	2.2	21	15.2	69	50.0	45	32.6	138	100.0
3. Saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran	0	0	1	0.7	30	21.7	87	63.0	20	14.5	138	100.0
4. Saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil	0	0	1	0.7	21	15.2	56	40.6	60	43.5	138	100.0
5. Saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula	1	0.7	13	9.4	81	58.7	34	24.6	9	6.5	138	100.0
6. Saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas bermula	0	0	0	0	17	12.3	57	41.3	61	46.4	138	100.0

Merujuk jadual 2 di atas, persiapan “amat kerap” diaplikasi oleh pelajar semasa pembelajaran ODL yang tertinggi adalah pada item ke-6 “*saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas bermula*” iaitu seramai 61 orang (46.6%), kemudian diikuti dengan persiapan “*saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil*” iaitu seramai 60 orang (43.5%), seterusnya persiapan “*saya sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa*” iaitu seramai 45 orang (32.6%), “*saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas*” seramai 32 orang (23.2%), “*saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran*” seramai 20 orang (14.5%) dan terendah adalah pada item ke-5 “*saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula*” iaitu seramai 9 orang (6.5%).

Dapatan kajian juga menunjukkan persiapan yang “kerap” diaplikasi oleh pelajar yang tertinggi adalah item ke-3 “*saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran*” iaitu seramai 87 orang (63.0%), diikuti item 1 “*saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas*” seramai 82 orang (59.4%), seterusnya item ke-2 “*saya sentiasa menyediakan ruang belajar yang selesa*” seramai 69 orang (50.0%). Manakala item ke 6 “*saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas*” dan “*saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan*

internet yang laju dan stabil” pula masing-masing seramai 57 orang (41.3%) dan 56 orang (40.6%) serta yang terendah adalah item ke-5 “saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula” iaitu seramai 34 orang (24.6%).

Bagi persiapan yang “kadang-kala” diaplikasi oleh pelajar pula, didapati yang tertinggi adalah pada item ke-5 “saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula” iaitu 81 orang (58.7%), diikuti “saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran” seramai 30 orang (31.7%), kemudian tiga item iaitu item 1 “saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas”, item ke-4 “saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil” dan item ke-2 “saya sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa” memperoleh dapatan yang sama seramai 21 orang (15.2%) manakala item ke-6 “saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas bermula” menjadi item terendah persiapan yang kadang-kala diaplikasi oleh pelajar dalam pembelajaran ODL.

Persiapan “jarang-jarang” diaplikasi oleh pelajar paling tinggi adalah item ke-5 “saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula” seramai 13 orang (9.4%), kemudian masing-masing seramai 3 orang (2.2%) bagi item 1 “sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas” dan item ke-2 “sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa” dan terendah adalah seorang (0.7%) masing-masing dari item ke-3 “sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran” dan item ke-4 “sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil”. Dapatan turut menunjukkan persiapan “tidak pernah” diaplikasi oleh pelajar paling tinggi adalah pada item ke-5 “saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula” iaitu seorang (0.7%) manakala item yang lain adalah tiada.

Analisa dapatan seterusnya adalah berkaitan adab pelajar semasa pembelajaran ODL sebagaimana jadual 3 di bawah. Analisa bahagian ini tertumpu kepada 17 item soalan yang terkandung soal selidik yang diberikan kepada responden.

Jadual 3: Adab Pelajar Semasa Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara ODL

Item/Skala	Tidak pernah		Jarang-jarang		Kadang kala		Kerap		Amat Kerap		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
	1. Saya sentiasa masuk kelas awal	0	0	0	0	34	24.6	76	55.1	28	20.3	138
2. Saya sentiasa membaca doa belajar sebelum kelas bermula	1	0.7	3	2.2	24	17.4	61	44.2	49	35.5	138	100.0
3. Saya sentiasa memberi salam sebelum kelas bermula	8	5.8	14	10.1	64	46.4	32	23.2	20	14.5	138	100.0
4. Saya sentiasa pastikan postur kedudukan diri adalah betul sepanjang kelas berlangsung	1	0.7	2	1.4	47	34.1	58	42.0	30	21.7	138	100.0

5. Saya sentiasa berada dalam keadaan kemas dan menutup aurat sepanjang kelas berlangsung	0	0	2	1.4	29	21.0	54	39.1	53	38.4	138	100.0
6. Saya sentiasa menggunakan nama sebenar dalam kelas ODL	0	0	0	0	5	3.6	40	29.0	93	67.4	138	100.0
7. Saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL	7	5.1	26	18.8	84	60.9	17	12.3	4	2.9	138	100.0
8. Saya sentiasa meletakkan mod senyap (mute) semasa pensyarah sedang mengajar	3	2.2	8	5.8	14	10.1	32	23.2	81	58.7	138	100.0
9. Saya sentiasa berusaha untuk terus berada dalam kelas mengikut tempoh masa yang ditetapkan	0	0	0	0	5	3.6	46	33.3	87	63.0	138	100.0
10. Saya telah memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi kelas ODL	0	0	0	0	32	23.2	78	56.5	28	20.3	138	100.0
11. Saya sentiasa mencatat syarahan ilmu yang diberikan oleh pensyarah	0	0	2	1.4	28	20.3	80	58.0	28	20.3	138	100.0
12. Saya sentiasa memberi respon sewajarnya dalam kelas	0	0	1	0.7	36	26.1	72	52.2	29	21.0	138	100.0
13. Saya mengikuti semua aktiviti yang telah ditetapkan oleh pensyarah	0	0	0	0	16	11.6	65	47.1	57	41.3	138	100.0

14.	Saya sentiasa memaklumkan kepada pensyarah jika terdapat masalah pembelajaran	0	0	3	2.2	23	16.7	61	44.2	51	37.0	138	100.0
15.	Saya sentiasa meminta izin kepada pensyarah jika ingin keluar kelas ODL	2	1.4	7	5.1	36	26.1	47	34.1	46	33.3	138	100.0
16.	Saya sentiasa mengucapkan terima kasih kepada pensyarah	0	0	0	0	8	5.8	41	29.7	89	64.5	138	100.0
17.	Saya sentiasa hadir kelas mengikut jadual yang ditetapkan	0	0	0	0	11	8.0	44	31.9	83	60.1	138	100.0

Jadual 3 menunjukkan terdapat 5 item adab “amat kerap” diaplikasi oleh pelajar yang melebihi peratusan 50% iaitu item ke-6 “*saya sentiasa menggunakan nama sebenar dalam kelas ODL*” (67.4%), item ke-16 “*saya sentiasa mengucapkan terima kasih kepada pensyarah*” (64.5%), item ke-9 “*saya sentiasa berusaha untuk terus berada dalam kelas mengikut tempoh masa yang ditetapkan*” (63%), item ke- 17 “*saya sentiasa hadir kelas mengikut jadual yang ditetapkan*” (60.1%) dan items ke-8 “*saya sentiasa meletakkan mod senyap (mute) semasa pensyarah sedang mengajar*” (58.7%). Manakala 12 item adab lagi berada kurang dari 50% dengan peratusan terendah adalah pada item ke-7 “*saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL*” iaitu 2.9%.

Adab yang “kerap” diaplikasi oleh pelajar pula adalah paling tinggi pada item ke-10 “*saya telah memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi kelas ODL*” iaitu seramai 78 orang (56.5%), diikuti item 1 “*saya sentiasa masuk kelas awal*” seramai 76 orang (55.1%) dan kemudian item ke-12 “*saya sentiasa memberi respon sewajarnya dalam kelas*” seramai 72 (52.2%). Namun 13 item lagi berada kurang dari 50% yang mana peratusan paling rendah adalah item ke-7 “*saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL*” iaitu 17 orang (12.3%).

Analisa adab “kadang-kala” diaplikasi oleh pelajar didapati hanya 1 item sahaja yang melebihi peratusan 50% dan tertinggi iaitu item ke-7 “*saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL*” seramai 84 orang (60.4%) manakala selebihnya 16 item adab berada kurang dari 50% dengan peratusan terendah adalah 3.6% (5 orang) iaitu item ke-6 “*saya sentiasa menggunakan nama sebenar dalam kelas ODL*” dan item ke-9 “*saya sentiasa berusaha untuk terus berada dalam kelas mengikut tempoh masa yang ditetapkan*”

Seterusnya dapatan item adab “jarang-jarang” diaplikasi oleh pelajar dalam pembelajaran ODL semuanya tidak melebihi 20% yang mana tertinggi adalah item ke-7 “saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL” iaitu seramai 26 orang (18.8%) manakala item ke-12 “saya sentiasa memberi respon sewajarnya dalam kelas” adalah terendah seramai 1 orang (0.7%). Dapatan juga menunjukkan hanya 6 item sahaja mempunyai nilai tidak melebihi 10% bagi adab yang “tidak pernah” diaplikasi oleh pelajar iaitu item ke-3 “saya sentiasa memberi salam sebelum kelas bermula” (5.8%), item ke-7 “saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL” (5.1%), item ke-8 “saya sentiasa meletakkan mod senyap (mute) semasa pensyarah sedang mengajar” (2.2%), item ke-15 “saya sentiasa meminta izin kepada pensyarah jika ingin keluar kelas ODL” (1.4%), dan masing-masing 1.7% pada item ke-2 “saya sentiasa membaca doa belajar sebelum kelas bermula” dan item ke-4 “saya sentiasa pastikan postur kedudukan diri adalah betul sepanjang kelas berlangsung”.

Tahap Persiapan Dan Adab Pelajar Semasa Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL) Pada Musim Pandemik Covid-19.

Analisa bahagian ini dimulakan dengan memaparkan jadual 4 berkaitan interpretasi nilai skor skala likert tiga min yang digunakan dalam menganalisa secara deskriptif merangkumi sisihan piawai, min dan interpretasi mengenai dapatan tahap persiapan dan adab pelajar semasa pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min Skala Likert Tiga Min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 5.00	Tinggi

Hasil dapatan tahap persiapan dan adap pelajar dalam pembelajaran ODL adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Tahap Kekerapan Persiapan Pelajar Semasa Pembelajaran ODL

Item/Skala	Sisihan Piawai	Min	Interpretasi
1. Saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas bermula	.687	4.03	Tinggi
2. Saya sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa	.743	4.13	Tinggi
3. Saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran	.621	3.91	Tinggi
4. Saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil	.740	4.26	Tinggi
5. Saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula	.750	3.27	Sederhana
6. Saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas bermula	.688	4.34	Tinggi
Jumlah keseluruhan	.518	3.99	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan tahap kekerapan bagi lima persiapan pelajar semasa pembelajaran ODL adalah tinggi dengan nilai min melebihi 3.51 – 5.00 iaitu item 1 “*saya sentiasa mempersiapkan diri sebelum kelas bermula*” (min 4.03 dan sisihan piawai .687), item ke-2 “*saya sentiasa sediakan ruang belajar yang selesa*” (min 4.13 dan sisihan piawai .743), item ke-3 “*saya sentiasa menetapkan sasaran dan objektif pembelajaran*” (min 3.91 dan sisihan piawai” .621), item ke-4 “*saya sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan internet yang laju dan stabil*” (min 4.26 dan sisihan piawai .740) dan item ke-6 “*saya sentiasa bersedia dengan peralatan belajar sebelum kelas bermula*” (min 4.34 dan sisihan piawai .688) berbanding 1 item persiapan yang berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.27 dan sisihan piawai .750 iaitu item ke-5 “*saya sentiasa membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula*”. Secara keseluruhannya, hasil dapatan interpretasi tahap persiapan pelajar semasa pembelajaran ODL adalah tinggi dengan nilai min 3.99 dengan sisihan piawai .518.

Jadual 6 : Tahap Kekerapan Adab Pelajar Semasa Pembelajaran ODL

Item/Skala	Sisihan Piawai	Min	Interpretasi
1. Saya sentiasa masuk kelas awal	.671	3.95	Tinggi
2. Saya sentiasa membaca doa belajar sebelum kelas bermula	.820	4.11	Tinggi
3. Saya sentiasa memberi salam sebelum kelas bermula	1.029	3.30	Sederhana
4. Saya sentiasa pastikan postur kedudukan diri adalah betul sepanjang kelas berlangsung	.809	3.83	Tinggi
5. Saya sentiasa berada dalam keadaan kemas dan menutup aurat sepanjang kelas berlangsung	.797	4.14	Tinggi
6. Saya sentiasa menggunakan nama sebenar dalam kelas ODL	.552	4.63	Tinggi
7. Saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL	.789	2.89	Sederhana
8. Saya sentiasa meletakkan mod senyap (<i>mute</i>) semasa pensyarah sedang mengajar	1.015	4.30	Tinggi
9. Saya sentiasa berusaha untuk terus berada dalam kelas mengikut tempoh masa yang ditetapkan	.562	4.59	Tinggi
10. Saya telah memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi kelas ODL	.661	3.97	Tinggi
11. Saya sentiasa mencatat syarahan ilmu yang diberikan oleh pensyarah	.682	3.97	Tinggi
12. Saya sentiasa memberi respon sewajarnya dalam kelas	.706	3.93	Tinggi
13. Saya mengikuti semua aktiviti yang telah ditetapkan oleh pensyarah	.666	4.29	Tinggi
14. Saya sentiasa memaklumkan kepada pensyarah jika terdapat masalah pembelajaran	.775	4.15	Tinggi
15. Saya sentiasa meminta izin kepada pensyarah jika ingin keluar kelas ODL	.963	3.92	Tinggi

16. Saya sentiasa mengucapkan terima kasih kepada pensyarah	.600	4.58	Tinggi
17. Saya sentiasa hadir kelas mengikut jadual yang ditetapkan	.641	4.52	Tinggi
Jumlah keseluruhan	.450	4.07	Tinggi

Jadual 6 pula menunjukkan 15 item adab pelajar semasa pembelajaran ODL berada pada tahap interpretasi “tinggi” dengan skor min antara 3.51 – 5.00 manakala 2 item lagi berada pada tahap interpretasi “sederhana” dengan skor min antara 2.51 – 3.50. Daripada 15 item tersebut, 9 item berada pada min antara 4.11 – 4.63 iaitu item 2, 5, 6, 8, 9, 13, 14, 16, dan 17 manakala 6 item berada pada min antara 3.83 – 3.97 iaitu pada item ke-1, 4, 10, 11, 12 dan 15. Kajian juga mendapati tahap interpretasi min yang tertinggi adalah pada item ke-6 “*saya sentiasa menggunakan nama sebenar dalam kelas ODL*” iaitu 4.63 manakala min yang terendah pula adalah pada item ke-7 “*saya sentiasa membuka paparan kamera dalam kelas ODL*” iaitu 2.89. Secara keseluruhannya, hasil dapatan interpretasi tahap adab pelajar semasa pembelajaran ODL adalah tinggi dengan nilai min 4.07 dengan sisihan piawai .450.

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan dapatan kajian di atas, didapati majoriti responden kerap dan amat kerap melakukan persiapan melibatkan kestabilan internet (84.5%) dan peralatan belajar (87.7%). Hal ini berkemungkinan majoriti responden tinggal di kawasan luar bandar yang mengalami kesukaran mendapatkan akses internet yang laju dan stabil semasa pembelajaran ODL dijalankan dan kurangnya pendedahan peralatan belajar yang canggih berbanding pelajar yang tinggal di bandar yang mempunyai rangkaian internet yang lebih mudah diakses, stabil dan laju serta terdedah dengan pelbagai peralatan belajar yang lebih canggih. Di tambah pula kekangan mendapatkan kemudahan akses internet yang lebih baik dan ketidakmampuan memiliki peralatan belajar juga menjadi faktor persiapan yang lebih kerap diaplikasi oleh responden kerana majoriti responden adalah golongan B40 dengan pendapatan isi rumah (ayah dan ibu) RM4000 ke bawah sebagaimana menurut Zarinah, Farah dan Zanariah (2018), golongan B40 adalah keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3855 sebulan dan ke bawah. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Aishah dan Hisam (2021) yang mendapati majoriti responden adalah B40 yang menghadapi masalah penggunaan kos yang tinggi terhadap akses internet dan peralatan belajar. Sebagaimana diketauhi bahawa isu kestabilan internet dan peralatan belajar memainkan peranan yang sangat penting dan memerlukan persiapan atau persediaan yang rapi dan tinggi dalam kalangan pelajar semasa pembelajaran ODL dijalankan. Gangguan terhadap isu ini sudah tentu akan menjejaskan proses penyampaian ilmu dan pembelajaran kepada pelajar pada musim pandemik covid-19.

Walaupun dapatan tahap persiapan pelajar dalam kajian ini adalah tinggi namun terdapat juga persiapan yang kurang memberangsangkan kerana majoriti pelajar (68.8%) jarang-jarang dan kadangkala sahaja melakukan persiapan “*membuat pembacaan awal sebelum kelas bermula*” sebaliknya hanya sebahagian kecil sahaja (31.2%) yang kerap dan amat kerap mengaplikasi persiapan ini semasa musim pandemik covid-19. Dapatan ini menggambarkan persiapan membudayakan pembacaan awal topik sebelum kelas bermula tidak menjadi suatu amalan kebiasaan atau tabiat dalam kalangan pelajar dan kelihatannya pelajar masih mengharapkan perolehan ilmu sepenuhnya dari pensyarah tanpa melalui proses pembelajaran sendiri. Namun hakikatnya dengan pembacaan awal ini banyak memberi manfaat antaranya memberi pengetahuan awal kepada pelajar, mampu membantu menambahkan kefahaman terhadap

sesuatu topik setelah diajar oleh pensyarah disamping kesediaan pelajar meneliti terlebih dahulu ilmu dan maklumat yang tidak jelas dari bahan pengajaran yang dikongsikan sehingga mendorong kesungguhan mendapatkan penjelasan lanjut daripada pensyarah. Impaknya dapat melatih pelajar berdikari dalam memperoleh ilmu, merancang pelan pembelajaran yang lebih sistematik dan tersusun serta mampu menilai dan memantau proses pembelajaran sendiri sepertimana kajian oleh Lamsah (2017) yang menyatakan persediaan inisiatif sendiri pelajar boleh menyumbang kepada kejayaan dalam m-pembelajaran.

Tumpuan kajian terhadap tahap kekerapan adab pelajar semasa pembelajaran ODL pada musim pandemik covid-19 pula didapati tinggi dan pelajar masih dapat mengamalkan serta mengekalkan adab-adab yang baik semasa pembelajaran secara ODL sebagaimana pembelajaran secara bersemuka seperti masuk kelas awal, membaca doa belajar, berpakaian kemas dan menutup aurat, memberi tumpuan sepenuhnya, mencatat nota, memberi respon, minta izin keluar kelas, ucap terima kasih dan lain-lain. Ini menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua kaedah tersebut dan tidak menjadi isu serius sepanjang pembelajaran ODL dijalankan. Namun begitu, dapatan kekerapan yang tinggi pada adab yang kadangkala diamalkan oleh pelajar seperti memberi salam sebelum kelas bermula dan membuka paparan kamera sepanjang kelas ODL ini perlu dipertingkatkan dan diperbaiki pada masa akan datang untuk tujuan memastikan proses pemantauan keberadaan pelajar dalam kelas dapat dilakukan oleh pensyarah.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa persiapan dan adab pelajar mempunyai hubungan yang rapat dan masih kekal relevan untuk diteliti dan diberi perhatian semasa pembelajaran ODL kerana persiapan yang baik dan rapi menyumbang kepada penjagaan adab yang baik sebagaimana dapatan kajian ini menunjukkan tahap persiapan pelajar yang tinggi menghasilkan juga kepada tingginya aplikasi adab dalam kalangan pelajar sekaligus proses PdP dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.

Kesimpulan

Persiapan dan adab dalam menuntut ilmu merupakan elemen yang sangat penting dan perlu diberi penekanan semasa pembelajaran secara ODL kerana pensyarah dan pelajar tidak bersemuka sepanjang proses PdP dijalankan. Pasti dengan kepelbagaian kaedah pembelajaran dan timbulkan berbagai masalah memerlukan persiapan yang rapi dari segi mental dan fizikal bukan sahaja kepada pelajar malah kepada pensyarah. Begitu juga konteks adab perlulah diraikan sebagaimana tuntutan adab secara bersemuka dan tidak sesekali dipinggirkan penghayatan adab dalam kalangan pelajar dan pensyarah semasa pembelajaran secara ODL atau atas talian.

Secara rumusannya, dapatan kajian yang diperolehi telah berjaya mencapai objektif kajian ini yang mana didapati persiapan pelajar semasa pembelajaran secara ODL adalah sangat baik dan tinggi namun masih ada persiapan yang perlu diperhalusi dan ditambahbaik agar tidak berlaku kerencatan dalam proses penyampaian dan penerimaan sesuatu pengetahuan. Begitu juga sungguh pun aplikasi adab dalam kalangan pelajar adalah tinggi dan sangat memuaskan, ia membuktikan bahawa pelajar dapat menyesuaikan amalan adab yang baik dan berterusan mengamalkannya mengikut acuan Islam tetapi masih ada adab yang perlu dipertingkatkan bagi memelihara hubungan yang baik antara pensyarah dan pelajar dalam proses penyampaian dan penerimaan ilmu.

Justeru itu, dari sudut akademik, kajian ini mampu menyumbang kepada penambahbaikan proses PdP lebih yang berkesan dan berkualiti dalam kalangan pensyarah. Dapatan turut menggambarkan ia sangat bermanfaat untuk dijadikan input atau data sokongan terhadap pembuat dasar akademik universiti dan garis panduan secara holistik dan bersepadu di peringkat IPT seperti menggubal, menyemak semula serta menambahbaik silibus kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang menjadi kursus wajib universiti di seluruh IPT. Seterusnya kajian ini membuka ruang kepada penyelidik untuk menjalankan kajian lanjut dalam membantu mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan adab dalam PdP.

Impak dari sudut kerajaan atau negara pula, ia membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi boleh merangka pelan strategik untuk membantu persiapan pelajar terutamanya bantuan kewangan dan kemudahan infrastruktur melibatkan akses rangkaian internet dan kemudahan belajar memandangkan didapati kekerapan persiapan pelajar terhadap dua isu ini adalah tinggi. Kajian ini boleh memberi input kepada pihak kementerian untuk merangka dasar dan garis panduan berkaitan pembelajaran ODL dan penghayatan adab bagi memastikan pendidikan pelajar tidak ketinggalan jauh dengan kaedah pembelajaran kini yang banyak menggunakan ICT dan berterusan mengamalkan adab yang baik meskipun operasi pendidikan negara telah kembali dilaksanakan secara bersemuka namun penggunaan ICT masih digunakan dalam proses PdP dan masih wujud adab yang tidak baik semasa pembelajaran ODL dibawa ke dalam pembelajaran bersemuka.

Sebagai cadangan, beberapa langkah boleh dilakukan dalam usaha meringankan beban kewangan pelajar terutama golongan B40 seperti pihak kerajaan dan universiti menyediakan peruntukan khas, memperkasa dana sedekah dan wakaf sebagai alternatif kewangan dan memperhebatkan kempen serta hebahan informasi galakan menyumbang untuk membantu pelajar membeli data internet, komputer, laptop dan lain-lain serta peruntukan untuk tambahbaik infrastruktur ICT di kampus universiti.

Bagi melahirkan insan yang berilmu dan beradab dalam kalangan pelajar, guru dan pensyarah disaran memperingatkan semula tentang adab menuntut ilmu yang dianjurkan Islam dalam kelas kerana kadangkala berlaku sebahagian pelajar yang leka dengan persekitaran budaya yang tidak bermanfaat seperti bermain aplikasi *game* hingga larut malam, menonton televisyen dan melayari cerita serta hiburan melampau dan sebagainya. Fenomena ini mendorong pelajar tidak hadir ke kelas kerana tidur lewat, tidak fokus semasa pensyarah mengajar dan tugas yang diberi, tidak hormat guru dan lain-lain. Peranan ibu bapa juga sangat diperlukan dalam membantu memberi nasihat dan peringatan serta memantau tingkahlaku pelajar semasa pembelajaran ODL dijalankan di rumah.

Selain itu, inisiatif kempen kesedaran adab juga perlu dipergiatkan sepertimana UiTM memperkenalkan model A.D.A.B dalam PdP yang dipetakan kepada objektif pendidikan universiti dengan menekankan pembangunan ilmu dan kognitif, sahsiah dan afektif serta jatidiri (Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM, 2022). Inisiatif sebegini boleh disebarluaskan melalui hebahan dan kempen melalui PdP, program persatuan atau kelab pelajar, program kolaborasi peringkat IPT dan sebagainya bagi memastikan objektif pendidikan universiti tercapai. Diharapkan usaha ini mampu membantu merealisasikan falsafah pendidikan negara yang ingin melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta

memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan, n.d).

Penghargaan

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Pusat Pengajian, pensyarah dan pelajar Diploma Pengurusan Halal, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan kajian dan penulisan artikel ini

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraida Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran atas talian : tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan pengurusan rantai bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Anuar Sopian & Ijlal Saja @ Mearaj. (2021). Persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap mod pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) subjek bahasa arab komunikasi dalam situasi pandemik covid-19. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal Of Education*, 5(2), 66-76. Dimuat turun daripada <https://attarbawiy.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/15/8>
- Bahagian Hal Ehwal Akademik, Universiti Teknologi MARA. (2022). *Pekeliling akademik bilangan 9 2022 Model A.D.A.B dalam pengajaran dan pembelajaran*. Dimuat turun daripada <https://hea.uitm.edu.my/v4/index.php/download>
- Hajah Noresah Baharom, Rusli Abdul Ghani, Mohd Nor Abd Ghani, Ibrahim Ahmad, Aziah Tajudin, Salmah Jabbar, ...Rahamah Othman. (2002). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harits Asyraf Hasnan. (2020, April 12). Masalah internet, infrastruktur PdP di rumah jadi keluhan rakyat Malaysia. *Astro Awani*. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-internet-infrastruktur-pp-di-rumah-jadi-keluhan-rakyat-malaysia-kajian-237984>
- Hasnizam Hashim. (2020, Ogos 17). Adab tuntutan ilmu walau belajar secara dalam talian. *Bernama*. Dimuat turun daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1870416>
https://www.researchgate.net/publication/276031945_OPEN_AND_DISTANCE_LEARNING_ODL_EDUCATION_SYSTEM_PAST_PRESENT_AND_FUTURE_-_A_SYSTEMATIC_STUDY_OF_AN_ALTERNATIVE_EDUCATION_SYSTEM
- Kementerian Pendidikan. (n.d). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.
- Lay Koon, T., Hazri Jamil & Nordin Abdul Razak. (2020). Kesahan dan kebolehpercayaan instrument kualiti kehidupan kerja guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 1-12. Dimuat turun daripada <http://journalarticle.ukm.my/16316/>
- Mior Mohd Mizan Mior Pi, Rahimah Embong & Kasimah Kamaruddin. (2017, Oktober). *Konsep Ta'dib Menurut Pandangan Cendekiawan Islam*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference of Empowering Islamic Civilization. Dimuat turun daripada https://www.unisza.edu.my/icic2017/images/22_Mior_Mohd_Mizan_Rahimah_Embong_Kasimah_Kamaruddin_Konsep_Tadib_Menurut_Pandangan_Cendekiawan_Islam.pdf
- Mohamad Fuad Ishak & Sapie Sabilan. (2021). Pembelajaran ilmu tauhid secara dalam talian (online) : tuntutan dan cabaran. *Pendidikan pemangkin peradaban Islam*. Dimuat turun

- daripada <https://fppi.kuis.edu.my/images/buku/pendidikan-pemangkin-peradaban-islam.pdf>
- Mohamad Idham Md Razak. (2020, April 9). Covid-19 : pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju. *Astro Awani*. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>
- Mohan Rathanakrishnan. (2020, July 14). Covid-19 ubah pengajaran dan pembelajaran di rumah. *Berita harian Online*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/710464/covid-19-ubah-pengajaran-dan-pembelajaran-dari-rumah>
- Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Mazdi Marzuki, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Khairul Ghufran Kaspin, Mohamad Basri Jamal & Irma Wani Othman. (2021). Adab guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik covid-19. *International Journal of Education, Psychology dan Counseling*, 6(39), 223-234. Dimuat turun daripada <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2021-39-05-15.pdf>
- Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104-115. doi: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.9>
- Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffudin Mohammed Noor, Umami Syarah Ismail & Wan Mohd Amjad Wan Halim. (2022). Program pementoran Islam rakan sebaya sebagai medium pendidikan adab di era society 5.0. *International Journal of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(46), 545-560. doi:10.35631/IJEPC.746041
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2020). Isu dan cabaran pengguna MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy and Practice of Teachers and Teacher Education*, 10(1), 77-94. doi: <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol10.1.6.2020>
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md.Yusoff. (2021). Peranan guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran pendidikan Islam menurut perspektif al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*,6, 52-63. Dimuat turun daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/32066/13942>
- Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Adab murid terhadap guru menurut Ibn Jama'ah: aplikasinya dalam konteks pembelajaran dalam talian. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(1), 1-15. Dimuat turun daripada <http://journalarticle.ukm.my/16556/>
- Nur Khamsiah Adan. (2021, April). *Tanggungjawab menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference On Syariah and Law 2021. Dimuat turun daripada <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1017.pdf>
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2022). Pembelajaran secara dalam talian : tahap kesediaan dan keberkesanan pelaksanaannya kepada pelajar. *LSP International Journal*, 9(1), 31-43. doi: 10.11113/lspi.v9.18174
- Saima Ghosh, Joyshree Nath, Shalabh Agarwal & Asoke Nath. (2012). Open and Distance Learning (ODL) Education System: past, present and future -A systematic study of an alternative and education system. *Journal of Global Research in Computer Science*. Dimuat turun daripada
- Sheung Au, O.T.,Li, K. & Wong, T.M. (2018). Student persistence in open and distance learning: success factors and challenges. *Asian Association of Open Universities*

- Journal*, 13(2), 191-202. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/331575526_Student_persistence_in_open_and_distance_learning_success_factors_and_challenges
- Siti Aishah Sokhibul Fadil & Hisam Satari. (2021). Norma baharu pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (Open Distance And Learning (ODL)) dalam kalangan mahasiswa semasa musim pandemik covid-19. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 173-184.
- Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis (2019). Inovasi kesepaduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran di Era Revolusi Industri 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 3(2), 38-54. Dimuat turun daripada <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acerj/article/view/50/50>
- Siti Marpuah, Mohammad Ghozali, Nur Kholis, Syahrudin, Muhammad Najmi Hassan & Lasmi. (2022). Kesan pembelajaran online di Musim pandemik covid-19 terhadap perkembangan akhlak pelajar. *Human Sustainability Procedia*, 2(2), 43-50. doi: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.005>
- Siti Zulaika Mat Dali, Nurhikmah Mubarak & Nurfarhana Mat Dali (2022). Implikasi pandemik covid-19 dan cabaran yang dihadapi terhadap motivasi akademik pelajar Pusat Pengajian Asasi di Sebuah IPTS Negeri Kedah. *Journal Contemporary of Islamic Counseling Perspective*, 1(1), 65-80. Dimuat turun daripada https://jcicp.unishams.edu.my/images/Vol1No1August2022/7-JCICP_VOL_1_ISSUE_1_2022_-SITI_ZULAIKHA.pdf
- Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 53-62. Dimuat turun daripada <http://journalarticle.ukm.my/11836/>
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp dan telegram di universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 1-14. doi:10.17576/JPEN-2017-42.02-02
- Utusan Borneo. (2020, April 19). Capaian internet kekangan utama pelajar di luar bandar. *Utusan Borneo Online*. Dimuat turun daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/19/capaian-internet-kekangan-utama-pelajar-di-luar-bandar>
- Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai & Zanariah Ismail. (2018), Keluarga B40: tekanan dan kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10 (1), 91-102. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/326146531_Keluarga_B40_Tekanan_dan_Kekuatan_B40_Family_Stress_and_Strength
- Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi norma baharu : cabaran dan hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 74-85. Dimuat turun daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9896/5412>
- Zuriani Ahmad Zukarnain, Noorihan Abdul Rahman, Robizah Sudin & Marhainis Jamaludin. (2022). Perlaksanaan model A.D.A.B dalam subjek berteraskan teknologi. *International Journal of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(46), 561-570. doi:10.35631/IJEPC.746042